

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

SIARAN MEDIA



Jamu Selera di Bazar Amal Nestlé ROCKS *Jana lebih RM70,000 untuk amal*

PETALING JAYA, X Disember 2016 – Nestlé Malaysia terus membawa perubahan positif menerusi Program Sukarelawan Kakitangan *Reaching Out to Community and Kids* (ROCKS)! Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkenal ini sekali lagi menganjurkan Bazar Amal tahunan Nestlé ROCKS dalam usaha mengumpul dana. Tahun ini, ROCKin' Bazaar telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM70,540.

Acara ROCKin' Bazaar tahun ini yang bertema '*Markets of the World*' telah menarik beratus-ratus pengunjung. Sukarelawan Nestlé, yang lebih mesra dengan panggilan "ROCKers", telah menyediakan gerai-gerai yang mewakili pelbagai negara, setiap satu dengan hiasan tersendiri yang unik dan berwarna-warni. Bazar di Menara Surian ini telah disertai oleh 21 jabatan Nestlé yang mendirikan sebanyak 23 gerai.

Pengarah Urusan Nestlé (Malaysia) Berhad, Encik Alois Hofbauer, berkata, "Falsafah kami iaitu Menjana Nilai Bersama merupakan salah satu asas penting dalam cara Nestlé menjalankan perniagaan. Program ROCKS merupakan suatu bahagian penting yang menyediakan platform untuk kakitangan kami mengambil bahagian secara aktif dalam usaha amal dan menyumbang kepada masyarakat. Kami berbangga melihat begitu ramai kakitangan kami komited kepada program ini. Dengan dana yang dikumpul daripada bazar amal, kami yakin bahawa ROCKS akan terus memberi impak yang positif dalam usaha menabur budi kepada masyarakat."

Bazar tahun ini menawarkan pelbagai makanan lazat yang diilhamkan oleh sajian tempatan dan antarabangsa, bersama produk-produk popular Nestlé seperti MILO, NESCAFÉ DOLCE GUSTO, KIT KAT, Nestlé BLISS dan banyak lagi. Para ROCKer Nestlé juga memakai kostum kebangsaan dari merata dunia untuk menarik pelawat ke gerai mereka. Salah satu gerai yang menarik ramai pengunjung ialah gerai Jerman, dengan ROCKers yang menggayaan pakaian tradisional Bavaria, *dirndl*, dan menawarkan aneka sajian asli seperti *bratwurst* ayam. Sambil menikmati makanan di bazar, pelawat juga berpeluang untuk menulis buah fikiran dan ucapan selamat mereka kepada rumah-rumah kebajikan pada kad ucapan yang disediakan.

“Tahun ini, dana yang dikumpulkan oleh ROCKin’ Bazaar kami bukan sahaja mengatasii kutipan tahun lepas, tetapi juga melebihi sasaran kami untuk tahun ini! Pastinya kami teruja dengan sambutan memberangsangkan yang kami terima daripada pengunjung, dan sesetengah daripada mereka juga telah datang ke bazar kami pada tahun lepas. Mereka ingin memberi sokongan kepada bazar ini yang memberi manfaat kepada masyarakat yang memerlukan,” kata Encik Mohd Shaiful Sharudin, seorang ROCKer Nestlé.

Dana yang dikumpul telah disalurkan kepada tiga pertubuhan kebajikan, iaitu Pusat Jagaan Lambaian Kasih, Rumah Kasih Harmoni dan Rumah Victory Elderly Home. Rumah-rumah kebajikan ini menjaga kanak-kanak, ibu tunggal, warga emas dan masyarakat yang kurang bernasib baik. Puan Eliza Mohamed, Pengarah Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Nestlé Malaysia bersama pasukan ROCKers Nestlé telah mengunjungi rumah-rumah kebajikan ini untuk menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 setiap rumah.

Encik Jamaluddin bin Wahab, Pengetua Rumah Kasih Harmoni, salah satu penerima dana hasil daripada ROCKin' Bazaar, berkata, "Kami dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Nestlé kerana menganjurkan usaha mengumpul dana ini, dan juga semua orang yang telah bermurah hati menyumbang kepada usaha amal ini. Kesudian Nestlé untuk melawat rumah kami juga amat menyentuh hati. Sumbangan ini akan membolehkan kami memberi lebih banyak bantuan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik di bawah jagaan kami."

Sementara itu, baki hasil dana yang dikumpul akan digunakan oleh program ROCKS untuk inisiatif-inisiatif masa hadapan. Malah, pengunjung bazar berpeluang untuk memilih dan mengundi antara 11 aktiviti kebajikan yang dicadangkan, seperti memberi makan kepada golongan gelandangan, membaik pulih rumah perlindungan haiwan dan memasak untuk golongan yang kurang bernasib baik. Lima aktiviti dengan undian terbanyak akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program ROCKS.

Seiring dengan komitmen Syarikat untuk memberi impak yang positif kepada masyarakat, Encik Hofbauer bersama-sama dengan para ROCKer turut mengedarkan produk Nestlé kepada golongan gelandangan di Kuala Lumpur. Ini dilakukan dengan kerjasama Pertiwi Soup Kitchen, dan sumbangan yang diberikan termasuk NESCAFÉ Tarik Can, MILO Nuggets, MILO Nutri G, KOKO KRUNCH serta MILO ais yang menyegarkan dari van MILO.

Mengenai Program Reaching Out to Community and Kids (ROCKS)

Sejak dimulakan pada 2005, Program Sukarelawan Kakitangan ROCKS Nestlé Malaysia telah berjaya memperkaya kehidupan mereka yang memerlukan dalam masyarakat. Sepanjang satu dekad yang lepas, Program ROCKS Nestlé telah menganjurkan pelbagai aktiviti, termasuk membina rumah untuk mereka yang memerlukan di Kg. Hulu Tamu, bersama dengan TetraPak, membantu masyarakat orang asli di Ulu Batu, Ulu Yam, dan juga melawat rumah orang tua dan menganjurkan aktiviti bersama kanak-kanak kurang bernasib baik sempena musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya, dan Deepavali.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my